



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

HADIAH TAHUN BARU UNTUK 40 BUAH KELUARGA MISKIN TEGAR DI KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 27 Disember – YB Datuk Dr. Shahrudin Bin Md Salleh, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyerahkan unit kediaman kepada 40 buah keluarga miskin tegar di bawah Program Baiti Jannati @Wilayah Persekutuan. Program ini dibuat dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Yayasan Wilayah Persekutuan dan Tenaga Nasional Berhad bagi membantu penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam DBKL (PA DBKL) yang miskin tegar untuk mempunyai rumah sendiri yang lebih selesa dan kondusif.

Kesemua penerima unit rumah di bawah program ini tidak lagi dikenakan sewaan bulanan oleh DBKL. Malah unit rumah yang diterima juga telah dibaik pulih tetapi mereka tidak boleh menjual rumah tersebut kepada pihak ketiga, hanya boleh diwariskan kepada anak atau waris terdekat sahaja.

Pada tahun ini, Tenaga Nasional Berhad telah memberikan peruntukan sebanyak RM2juta wang zakat untuk dimanfaatkan melalui program ini. Peruntukan tersebut digunakan bagi menyelesaikan pinjaman perumahan atau sewa rumah yang tertunggak.

Para penerima unit rumah di bawah Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan ini merupakan golongan miskin tegar yang berdaftar dengan sistem e-kasih, Baitulmal dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Selain itu, penerima juga adalah dari kalangan mereka yang mempunyai anak orang kurang upaya (OKU), berpenyakit kronik, suami atau isteri yang sudah meninggal dunia dan mempunyai tanggungan anak yang ramai menjadi keutamaan bagi kriteria pemilihan penerima unit rumah program tersebut.

Kementerian Wilayah Persekutuan mensasarkan untuk menyerahkan 90 unit kediaman kepada kumpulan sasar yang layak sepanjang tahun 2019. Kementerian akan meneruskan kerjasama strategik dengan pelbagai syarikat swasta bagi pelaksanaan program ini. Pelaksanaan program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan ini berjaya berjaya memanfaatkan kira – kira 200 orang miskin tegar untuk memiliki rumah sendiri di Kuala Lumpur. Pihak Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan sosial dan kesejahteraan kehidupan rakyat sentiasa diutamakan dari semasa ke semasa sebagai salah satu obligasi sosial kepada warga Wilayah Persekutuan.

**Disediakan oleh
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
27 Disember 2018**